



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS HADIS DALAM BUKU TEKS KAFA JAKIM DAN BUKU TEKS KSRA JAIS

ABDUL LATEF BIN ALHADRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

ANALISIS HADIS DALAM BUKU TEKS KATA

JAKIM DAN BUKU TEKS KSRA JAIS

No. Matrik / Matric No.:

M 2015 2002 338

Saya / I :

ABDUL LATEF BIN ALHAZR'I

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 28/12/2019

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmik Name & Official Stamp)

PROF. MADRUDIN MUHAMMAD ROZAIMI BIN RAMLI
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis yang terdapat dalam Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS. Selain itu, kajian ini mengenal pasti metodologi penulisan hadis dalam buku-buku tersebut. Kajian ini turut mengenal pasti alternatif kepada hadis-hadis yang didapati bermasalah. Pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen digunakan dalam kajian ini. Subjek kajian terdiri daripada 68 hadis yang telah disenaraikan daripada kedua-dua buku teks tersebut untuk dikenalpasti sanadnya melalui kaedah *takhrij al-hadith*. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan rangkaian perawi, komentar para ulama terhadap rangkaian tersebut dan komentar para ulama *al-nuqqād* terhadap perawi-perawinya. Seterusnya komentar-komentar para ulama dianalisis menggunakan kaedah *'Ilm al-Rijāl*. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat 29 hadis (43%) bermasalah daripada kedua-dua buku teks dari segi kesilapan nukilan, lemah dan tidak sahih manakala 39 hadis (57%) lagi merupakan hadis yang tidak bermasalah. Sebanyak lapan hadis (28%) daripada Buku Teks KAFA terdiri daripada hadis yang bermasalah berbanding 21 hadis (72%) daripada Buku Teks KSRA. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua buku teks tidak menggunakan metodologi yang sesuai dalam penulisan hadis. Kesimpulannya, kedua-dua buku teks mengandungi beberapa hadis bermasalah dari segi kesilapan nukilan, lemah dan tidak sahih. Kajian ini juga telah berhasil mencadangkan hadis yang sahih sebagai alternatif kepada hadis-hadis bermasalah yang digunakan dalam buku-buku tersebut. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penulisan hadis dalam buku teks sekolah juga perlu mengikut garis panduan penulisan hadis yang betul. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan terhadap hadis-hadis yang digunakan dalam buku teks dijalankan di institusi-institusi pendidikan lain.





ANALYSIS OF HADEETH IN THE TEXTBOOKS OF KAFA JAKIM AND THE TEXTBOOK OF KSRA JAIS

ABSTRACT

This research aimed to analyze *hadeeth* in the textbooks of Quranic and Fardhu Ain courses [Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)] by Department of Islamic Development of Malaysia [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)] and the textbooks of Primary Religious School's Curriculum [Kurikulum Sekolah Rendah Agama (KSRA)] by Islamic Religious Department of Selangor [Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)]. This research also identified the methodology of writing the *hadeeth* in those textbooks. In addition, the research sought to find alternatives for the problematic *hadeeth*. Qualitative approach through document analysis methodology is used in this research. Research subjects were from 68 *hadeeth* that were listed from both of the textbooks for identification of their *sanad* (chain of narrators) through the methodology of *takhrīj al-hadīth*. The method of document analysis was used to collect the information on the chain of narrators, the commentaries of scholars regarding the chains of narrators, and the commentaries of scholars of *al-Nuqqād* on its narrators. Then the commentaries of the scholars have been analyzed using the methodology of *'Ilm al-Rijāl*. The research finding showed there are 29 *hadeeth* (43%) from both of the textbooks which were considered problematic due to improper citation, weak and inauthentic while another 39 *hadeeth* (57%) were considered unproblematic. Only eight of the *hadeeth* (28%) from the KAFA Textbook were problematic compared to 21 of *hadeeth* (72%) from the KSRA Textbook. Research findings also showed that both of the textbooks did not use proper methodology in *hadeeth* writing. In conclusion, both textbooks contained some problematic *hadeeth* in term of improper citation, weak and inauthentic. The present study suggested a good narrated *hadeeth* as an alternative for the problematic *hadeeth* used in the textbooks. As an implication, *hadeeth* writing in the schools' textbooks should follow the correct *hadeeth* writing guideline. The research suggests for further study on the *hadeeth* used in the textbooks in other educational institutions.

.





KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xiv
TRANSLITERASI	xv



BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	13
1.8 Definisi Tajuk	13
1.9 Kajian Literatur	16
1.9.1 Kajian Terhadap Karya Klasik	17
1.9.2 Kajian Terhadap Karya Moden	18
1.9.3 Kajian Tematik	19





1.9.4 Kajian Terhadap Buku Teks	21
1.10 Metodologi Kajian	23
1.10.1 Metode Pengumpulan Data	23
1.10.2 Metode Analisis Data	24

BAB 2 METODOLOGI PENULISAN HADIS DALAM BUKU TEKS KAFA

JAKIM DAN BUKU TEKS KSRA JAIS

2.1 Pengenalan	34
2.2 Buku Teks KAFA	35
2.2.1 Buku Teks KAFA Cetakan Fargoes	36
2.2.2 Hadis Dalam Buku Teks KAFA	37
2.2.2.1 Hadis Yang Digunakan Berulangkali	38
2.2.2.2 Hadis Berdasarkan Mata Pelajaran	39
2.3.2.3 Hadis Yang Disertakan Teks Bahasa Arab	40
2.2.2.4 Hadis Yang Dinyatakan Sumber Rujukan	41
2.2.2.5 Hadis Berdasarkan Tahun Belajar dan Mata Pelajaran	42
2.3 Buku Teks KSRA	43
2.3.1 Hadis Dalam Buku Teks KSRA	44
2.3.1.1 Hadis Yang Digunakan Berulang-ulang	45
2.3.1.2 Hadis Berdasarkan Mata Pelajaran	46
2.3.1.3 Hadis Yang Disertakan Teks Bahasa Arab	47
2.3.1.4 Hadis Yang Dinyatakan Sumber Rujukan	47
2.3.1.5 Hadis Berdasarkan Tahun Belajar dan Mata Pelajaran	49
2.4 Perbandingan	50
2.4.1 Perbandingan Berdasarkan Mata Pelajaran	51
2.4.2 Hadis Dalam Kedua-Dua Buku Teks	52
2.4.2.1 Hadis Yang Berulang-Ulang	53





2.4.2.2 Hadis Berdasarkan Mata Pelajaran dan Tahun Belajar	54
2.4.2.3 Hadis Yang Disertakan Teks Bahasa Arab	62
2.4.2.4 Hadis Yang Dinyatakan Sumber Rujukan	63
2.4.2.5 Hadis Berdasarkan Tahun Belajar	63
2.5 Kesimpulan	65
BAB 3 ANALISIS STATUS HADIS	66
3.1 Analisis Hadis-hadis dalam Buku Teks KAFA	66
3.2 Analisis Hadis-Hadis Dalam Buku Teks KSRA	228
3.3 Penutup	434
BAB 4 ALTERNATIF KEPADA HADIS BERMASALAH	436
4.1 Pengenalan	436
4.2 Alternatif Bagi Hadis Bermasalah Dalam Buku Teks KAFA JAKIM	439
4.3 Alternatif Bagi Hadis Bermasalah Dalam Buku Teks KSRA JAIS	448
4.4 Penutup	478
BAB 5 RUMUSAN	480
5.1 Kesimpulan	480
5.2 Saranan	482
RUJUKAN	
LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Peratusan hadis dalam Buku Teks KAFA yang digunakan secara berulangkali 36
2.2	Peratusan hadis dalam Buku Teks KAFA berdasarkan mata pelajaran 37
2.3	Peratusan hadis dalam Buku Teks KAFA yang disertakan teks Bahasa Arab 38
2.4	Peratusan hadis dalam Buku Teks KAFA yang dinyatakan sumber rujukannya 39
2.5	Peratusan hadis dalam Buku Teks KAFA berdasarkan tahun dan mata pelajaran 40
2.6	Mata Pelajaran Buku Teks KAFA yang tidak ditemui hadis di dalamnya 40
2.7	Mata pelajaran-mata pelajaran Buku Teks KSRA Berdasarkan Tahun Belajar 42
2.8	Peratusan hadis yang digunakan berulangkali dalam Buku Teks KSRA 43
2.9	Peratusan hadis dalam Buku Teks KSRA berdasarkan mata pelajaran 44
2.10	Peratusan hadis dalam Buku Teks KSRA yang disertakan teks Arab 45
2.11	Peratusan hadis dalam Buku Teks KSRA yang dinyatakan sumber rujukan 46
2.12	Bilangan hadis dalam Buku Teks KSRA berdasarkan tahun dan subjek 47
2.13	Mata pelajaran Buku Teks KSRA yang tidak ditemui hadis di dalamnya 48





2.14	Perbandingan mata pelajaran antara Buku Teks KAFA dan Buku Teks KSRA	49
2.15	Perbandingan jumlah hadis berdasarkan mata pelajaran antara Buku Teks KAFA dan Buku Teks KSRA	50
2.16	Perbandingan hadis yang digunakan berulangkali	50
2.17	Perbandingan dari segi hadis yang digunakan tanpa dikira yang berulang	51
2.18	Dua hadis yang ditemui berulang dalam kedua-dua buku teks	51
2.19	Perbandingan peratusan hadis berdasarkan mata pelajaran	52
2.20	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Akhlak	53
2.21	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Tilawah al-Quran	53
2.22	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Akidah dan Tauhid	54
2.23	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Sirah	55
2.24	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Tajwid	56
2.25	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Fiqh Ibadah	56
2.26	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Jawi	57
2.27	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Imlak	58
2.28	Hadis yang ditemui dalam buku teks mata pelajaran Bahasa Arab	59
2.29	Perbandingan berdasarkan penggunaan teks Bahasa Arab	59





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

2.30	Perbandingan berdasarkan penggunaan sumber rujukan	60
2.31	Peratusan hadis berdasarkan tahun belajar	60
3.1	Perbandingan peratus hadis yang bermasalah antara kedua-dua buku teks	430
3.2	Peratus hadis yang bermasalah secara keseluruhan	430
4.1	Peratus sumber ayat Quran atau hadis yang dicadangkan sebagai alternatif	476
5.1	Peratus hadis yang bermasalah secara keseluruhan	478



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

Bil.	Bilangan
Dll.	Dan lain-lain
H	Tahun Hijrah
Ibid.	Ebidem
JAIS	Jabatan Agama Islam Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardu Ain
KSRA	Kurikulum Sekolah Rendah Agama
M	Tahun Masihi
M.	Meninggal dunia pada
PSRA	Penilaian Sekolah Rendah Agama
RA	<i>rađiya Allāh ‘anhu, rađiya Allāh ‘anha, rađiya Allāh ‘anhumā atau rađiya Allāh ‘anhum</i>
SAW	SAW
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPKK	Ujian Penilaian Kelas KAFA
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

TRANSLITERASI¹

Arab	Rumi
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	z
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s

Arab	Rumi
ط	ṭ
ظ	dh
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ء	'



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

¹ Berdasarkan Jadual Transliterasi “Roman Transliteration of Arabic Script (ROTAS)” dengan sedikit modifikasi untuk konsonan ط dan ظ. Rujuk International Islamic University Malaysia. (t.t.). Table of Transliteration. Dicapai pada 21 Januari 2017, dari http://rotas.iium.edu.my/?Table_of_Transliteration.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvi

Arab	Rumi	Arab	Rumi
'	a	أَيْ	an
ُ	u	ُوْ	un
ِ	i	ِيْ	in
َا،َى	ā	َوْ	aw
ُوْ	ū	ُيْ	ay
ِيْ	ī	ُوْ	uww, ū (di akhir perkataan)
		ِيْ	iyy, ī (di akhir perkataan)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Hadis ialah percakapan, perbuatan dan persetujuan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW.² Ia juga merupakan wahyu Allah selain al-Quran. Allah Azza wa Jalla mengesahkan perkara ini dan Nabi SAW juga pernah bersumpah bahawa tiada yang keluar dari mulut baginda melainkan kebenaran. Firman Allah dalam surah al-Najm ayat 3-4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ۖ [النَّجْم: ۳-۴]

Maksudnya: Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemauan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

² Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī. (t.t.). *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Hadīth*. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, hal. 61.





Dalam hadis Abdullah bin ‘Amr RA, beliau berkata: Dahulu aku mencatat setiap perkara yang aku dengar dari Rasulullah SAW. Aku muh menghafalnya lalu Quraysh melarangku dan mereka berkata: Engkau catat semua perkara yang engkau dengar dari Rasulullah SAW sedangkan Rasulullah SAW adalah manusia yang bercakap dalam marah dan redha? Lalu aku berhenti dari mencatat. Kemudian aku maklumkan perkara tersebut kepada Rasulullah SAW, lalu baginda menggerakkan jarinya ke mulutnya dan berkata:

اَكْتُبْ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، مَا حَرَجَ مِنْهُ إِلَّا حَقٌّ

Catatlah engkau maka demi yang jiwaku berada ditangan-Nya, tidak keluar darinya melainkan kebenaran.³

Allah Azza wa Jalla memerintahkan kita supaya taat kepada rasul-Nya.



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ [33] [محمد: 33]

Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu!

Kita juga diperintahkan untuk terima dan amalkan perintah yang dibawa oleh baginda SAW. Firman Allah Azza wa Jalla dalam surah al-Hashr ayat 7:

وَمَا آتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا لَمْ كُنْتُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا [الحشر: 7]

Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya.

Allah yang Maha Bijaksana memerintahkan kita mengambilnya kerana hadis adalah salah satu dari sumber asas kepada syariat Islam selain al-Quran.

³ ‘Abd Allāh bin ‘Abd Al-Raḥmān Al-Dārimī. (2000). *Musnad Al-Dārimī al-Ma’rūf bi Sunan Al-Dārimī* (Husayn Salīm Asad Al-Dārāmī, Ed.). Arab Saudi: Dār al-Mughnī, jil. 1, hal. 429, no. 501. Hadis ini dinilai sahih oleh Al-Albānī.





Tidak mungkin untuk setiap Muslim memahami ajaran Islam tanpa merujuk kepada kedua sumber asas ini.⁴ Bahkan meninggalkan hadis dengan berpada hanya dengan al-Quran bertentangan dengan ajaran al-Quran kerana terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan agar kita tidak meninggalkan hadis antaranya dalam surah al-Hasyr ayat 7 dan surah Muhammad ayat 33 yang disebutkan di atas.

Hadis tidak mungkin ditinggalkan oleh orang-orang yang beriman dengan al-Quran kerana peranannya yang amat penting. Antara peranan penting hadis ialah menjelaskan kandungan al-Quran. Terdapat banyak perintah Allah kepada kita dalam al-Quran yang tidak diterangkan tatacaranya melainkan melalui hadis. Contohnya, Allah Azza wa Jalla



tentang caranya, bilangannya dan waktunya dalam al-Quran. Penjelasan terperinci tentangnya terdapat dalam hadis Nabi SAW⁷.

Hadis juga berperanan menerangkan pengecualian terhadap hukum-hukum yang disebutkan dalam al-Quran. Contohnya dalam isu pengharaman bangkai⁸, terdapat dua jenis bangkai yang dihalalkan yang dijelaskan dalam

⁴ Abd. Rahman, M. (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 4, 27-40. Dicapai dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3034>

⁵ Surah al-Nisa' ayat 103.

⁶ Surah Ali 'Imran ayat 97.

⁷ Antaranya hadis Nabi SAW mengajar cara solat yang betul dalam Sahih al-Bukhari nombor 793 dan hadis Jabir RA yang melihat Nabi SAW menunaikan haji dalam Sahih Muslim nombor 1218.

⁸ Perbincangan dapat dilihat dalam Surah Al-An'am ayat 145, al-Mā'idah ayat 3, al-Nahl ayat 115 dan al-Baqarah ayat 173.





hadis⁹. Dalam hukum faraid dari al-Quran, anak mewarisi harta bapanya yang meninggal dunia¹⁰ akan tetapi dalam hadis, anak yang membunuh bapanya tidak boleh mewarisi harta bapanya¹¹.

Hadis turut merupakan sumber hukum dalam perkara yang tidak disebut dalam al-Quran. Contohnya pengharaman daging keldai peliharaan¹² tidak terdapat dalam al-Quran akan tetapi terdapat dalam hadis. Begitu juga pengharaman pemakaian emas dan sutera untuk lelaki¹³, larangan memadukan wanita dengan ibu saudaranya¹⁴, hukuman rejam untuk penzina yang telah berkahwin¹⁵, dan banyak lagi, hanya didapati dari hadis. Justeru, tidak hairanlah sekiranya ilmuwan-ilmuwan Islam banyak menukarkan hadis-hadis dalam buku-buku berkaitan Islam.



1.2 Latar Belakang Kajian

Antara buku berkaitan Islam zaman ini yang menukarkan hadis dalam kandungannya ialah buku teks mata pelajaran berkaitan Islam. Buku teks ialah buku tentang sesuatu mata pelajaran yang digunakan oleh pelajar-

⁹ Hadis tentang halalnya ikan dan belalang dalam Sunan Ibn Majah nombor 3314. Hadis ini dinilai sahih oleh Al-Albānī.

¹⁰ Surah al-Nisā' ayat 7 dan ayat 11.

¹¹ Hadis tentang pembunuhan tidak mewarisi dapat dilihat dalam Sunan Ibn Mājah nombor 2645. Hadis ini dinilai sahih oleh Al-Albānī.

¹² Hadis pengharaman keldai peliharaan dalam Sahih al-Bukhari nombor 4199 dan 5528.

¹³ Hadis tujuh perintah Nabi SAW dalam Sahih al-Bukhari nombor 1239.

¹⁴ Hadis larangan memadukan wanita dengan ibu saudaranya dalam Sahih al-Bukhari nombor 5108.

¹⁵ Hadis hukuman rejam terhadap penzina yang telah berkahwin dalam Sahih al-Bukhari nombor 3635.





pelajar¹⁶. Buku teks menjadi bahan rujukan utama dalam pembelajaran di sekolah. Ia menjadi rujukan para guru dalam membuat rancangan pengajaran harian. Ia juga sering digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, ia juga merupakan rujukan penting para pelajar ketika membuat persediaan untuk menduduki peperiksaan.

Buku teks mata pelajaran berkaitan Islam tidak banyak di sekolah-sekolah yang bukan beraliran agama berbanding sekolah-sekolah aliran agama. Di sekolah bukan beraliran agama diperangkat rendah contohnya hanya terdapat satu mata pelajaran berkaitan dengan Islam iaitu mata pelajaran Pendidikan Islam¹⁷. Manakala di sekolah beraliran agama seperti Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), terdapat lebih dari tiga mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
pelajaran berkaitan Islam termasuk mata pelajaran Tilawah al-Quran, Ulum Syariah, Sirah dan Akhlak¹⁸.

Pada tahun 2014, kajian terhadap hadis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM, iaitu buku teks berkaitan Islam yang digunakan di sekolah bukan aliran agama, mendapati terdapat 49 hadis telah dimuatkan di dalamnya sebagai dalil dan sokongan terhadap fakta yang telah

¹⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Carian Bestari. Dicapai pada 17 Jun 2019, dari <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=buku+teks&d=1>

¹⁷ Online, S. G. (22 Oktober 2014). Senarai Mata Pelajaran Sekolah Rendah. Dicapai pada 17 Jun 2019, dari Sistem Guru Online website: <https://www.sistemguruonline.my/2014/10/sejarai-mata-pelajaran-sekolah-renda.html>

¹⁸ Bakar, J. M. A. (t.t.). 99.9 peratus 220,011 calon UPKK lulus Amali Solat dan PCHI. Dicapai pada 17 Jun 2019, dari Laman Web Utusan Online: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/99-9-peratus-220-011-calon-upkk-lulus-amali-solat-dan-pchi-1.806843>





dihuraikan.¹⁹ Maka sudah tentu terdapat banyak juga hadis yang dimuatkan dalam buku teks mata pelajaran berkaitan Islam yang digunakan di sekolah aliran agama seperti Sekolah Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dibawah kelolaan JAKIM dan Sekolah Rendah Agama (SRA) di bawah kelolaan JAIS.

Telah menjadi satu tradisi bagi sarjana dan pelajar bidang hadis untuk membuat semakan terhadap hadis-hadis yang dimuatkan dalam rujukan-referensi penting umat Islam kerana hadis-hadis telah bercampur aduk antara yang berkualiti dan yang tidak berkualiti. Semakan terhadap hadis melalui kaedah *takhrīj* hadis boleh mengenalpasti antara hadis yang berkualiti dan tidak berkualiti seterusnya mencadangkan hadis yang berkualiti sebagai ganti



Antara tokok-tokoh yang terpanggil melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan hadis-hadis yang terdapat dalam sumber-sumber rujukan penting terdiri dari hadis-hadis yang berkualiti ialah ‘Abd Allah bin Yūsuf Al-Zaylaī (m. 762H) telah mentakhrīj *Tafsīr Al-Kashshāf* karya al-Zamakhsharī (m. 538H) dan kitab *al-Hidāyah* karya ‘Ali al-Marghinānī (m. 593H). ‘Umar bin ‘Ali Ibn al-Mulaqqin (m. 804) telah mentakhrīj karya ‘Umar bin ‘Abdullah al-Bayḍāwī (m. 685H) berjudul *Minhāj al-Wuṣūl ila ‘Ilm al-Uṣūl* dan karya ‘Abd al-Karīm Al-Rāfi‘ī (m. 623H) yang berjudul *al-Fath al-‘Azīz fi Sharh al-Wajīz* atau dikenali juga sebagai *al-Sharh al-Kabīr*,

¹⁹ Norhasnira binti Ibrahim, & Kauthar binti Abd Kadir. (2014). Analisis Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014* (pp. 1–17). Batu Pahat, Johor.





syarahan kepada karya Imam al-Ghazālī (m. 505H) yang berjudul *al-Wajīz fi Fiqh al-Shāfi‘ī*. ‘Abd al-Rahīm al-‘Irāqī (m. 806) pula telah mentakhrij kitab *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* karya Imam al-Ghazālī (m. 505H). Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (m. 911H) mentakhrij karya al-Qādī ‘Iyād (m. 544H) berjudul *al-Shafā bi Ta‘rīf ḥuquq al-Muṣṭafā*.

Adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk menjaga kualiti hadis dalam buku-buku teks yang menjadi panduan kepada para pelajar khususnya di dalam negara, supaya hadis yang diterima benar-benar hadis yang berkualiti. Memandangkan Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS telah menjadi rujukan penting buat sebilangan ramai umat Islam di Malaysia, maka pengkaji memutuskan untuk menjalankan kajian takhrij



Menurut laporan akhbar pada tahun 2016, terdapat 38,952 calon menduduki Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA)²⁰ manakala pada tahun 2015 terdapat 185,675 calon menduduki Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK)²¹. Jumlah pengguna yang ramai menunjukkan bahawa kedua-dua buku teks tersebut telah menjadi antara rujukan penting umat Islam Malaysia dalam mempelajari ajaran Islam.

²⁰ Peratus kelulusan PSRA Selangor merosot. (15 November 2016). Dicapai pada 13 November 2018, dari <https://www.bharian.com.my/node/213262>

²¹ 37,271 calon dapat 8A UPKK 2015. (16 Januari 2016). Dicapai pada 13 November 2018, dari <http://www.utusan.com.my/pendidikan/37-271-calon-dapat-8a-upkk-2015-1.179894>





1.3 Pernyataan Masalah

Jawiah Dakir pada tahun 2009 menyatakan dalam kajiannya bahawa hadis-hadis yang tidak sahih masuk ke dalam masyarakat Melayu melalui kitab-kitab jawi lama dan majalah-majalah berkonsepkan Islam²². Pada tahun 2014 pula, Norhasnira Ibrahim dan Kauthar Abd Kadir yang menjalankan kajian analisis status hadis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM pada tahun 2014²³ telah menemui lima hadis lemah dan satu hadis palsu dalam buku teks kajian mereka.

Manakala Adel M Abdul Aziz dan Ahmad Sanusi Azmi dalam kajian mereka terhadap buku teks sirah Kelas Agama Petang, Negeri Sembilan, pada

tahun 2009, telah menemui beberapa fakta sirah tidak sahih. Mereka mencadangkan hadis-hadis yang telah dinukilkhan di dalam buku yang menepati Sukatan Pelajaran Kurikulum KAFA 2008 tersebut agar ditakhrij.²⁴ Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa hadis-hadis tidak sahih turut masuk ke dalam masyarakat melalui buku teks sekolah.

Kewujudan hadis-hadis tidak sahih dalam buku teks sekolah turut diperkatakan secara lisan oleh guru yang menggunakan Buku Teks KAFA

²² Jawiah Dakir, Budah@Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, & Faisal Ahmad Shah. (2009). Hadith Masyhur dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis. *Jurnal Usuluddin*, 29(Januari-Jun), 119–146.

²³ Norhasnira binti Ibrahim, & Kauthar binti Abd Kadir. (2014). Analisis Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014* (pp. 1–17). Batu Pahat, Johor.

²⁴ Adel M. Abdul Aziz, & Ahmad Sanusi Azmi. (2011). Keperluan Takhrij Terhadap Buku Teks Sirah di Negeri Sembilan. Dalam *Takhrij Hadith di Nusantara: Keperluan Masa Kini* (pp. 447–456). Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.





JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS. Dalam sebuah sesi temubual antara pengkaji dengan seorang guru sekolah KAFA di Putrajaya pada tahun 2017²⁵, guru tersebut turut menggesa agar buku teks –buku teks tersebut dibuat semakan kerana beliau menemui fakta sirah yang tidak sahih di dalam buku-buku tersebut. Penelitian awal pengkaji terhadap Buku Teks KAFA dan Buku Teks KSRA juga mendapati bahawa terdapat beberapa kisah yang disebutkan merupakan riwayat terlalu lemah yang telah dikategorikan sebagai *matrūk* oleh ulama hadis. Antara kisah tersebut ialah kisah Alqamah yang derhaka kepada ibunya.²⁶ Kisah ini dikategorikan sebagai terlalu *da’īf (matrūk)* oleh ulama hadis silam.²⁷

Penyelidikan ini juga merupakan sokongan kepada usaha kerajaan



sekolah-sekolah. Kerajaan Malaysia menyedari hakikat bahaya ancaman hadis palsu ini. Oleh yang demikian, kajian ini adalah untuk melihat kedudukan sebenar hadis-hadis yang terdapat di dalam buku teks KAFA dan buku teks KSRA. Dalam masa yang sama, kajian ini turut mengenalpasti metod penyusunan hadis di dalam kedua-dua buku.

²⁵ Abdul Halim Mohammad Anuar. (10 Julai 2017). Temubual Mengenai Kajian Buku Teks KAFA JAKIM Bersama Waris Dan Guru.

²⁶ Muhammad Khair bin Muhaidin et. al. (2014). *Adab dan Akhlak Islamiyyah Tahun 4*, Ampang: Rimbunan Ilmu, hal. 28.

²⁷ al-Haythami, Ali bin Abi Bakar (1992). *Majma‘ al-Zawaid*, Beirut: Dar al-Fikr, jil. 8, hal. 68.





1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan hadis-hadis yang terdapat dalam Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS. Untuk memastikan kajian ini lebih terarah, empat objektif berikut telah ditetapkan dalam kajian ini:

- i. Mengenalpasti hadis-hadis yang terdapat dalam Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS.
- ii. Mengetahui metod penulisan hadis-hadis yang terdapat dalam buku teks KAFA JAKIM dan buku teks KSRA JAIS.
- iii. Menganalisis status hadis-hadis yang terdapat dalam Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS.
- iv. Mengenalpasti ayat al-Quran atau hadis sahih yang sesuai sebagai alternatif untuk hadis-hadis yang tertolak jika ada.

1.5 Persoalan Kajian

Berikut adalah soalan bagi kajian ini:

- i. Apakah hadis-hadis yang terdapat dalam buku teks KAFA JAKIM dan buku teks KSRA JAIS?
- ii. Bagaimanakah status hadis-hadis yang terdapat dalam buku teks KAFA JAKIM dan buku teks KSRA JAIS?
- iii. Bagaimanakah metod penulisan hadis-hadis yang terdapat dalam buku teks KAFA JAKIM dan buku teks KSRA JAIS?





- iv. Apakah ayat al-Quran atau hadis yang sesuai yang boleh menggantikan hadis-hadis yang tertolak?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kesinambungan kepada usaha ulama hadis dalam menjelaskan kepada umat Islam tentang status sesuatu hadis supaya boleh diketahui hadis yang boleh diterima dan hadis yang perlu ditolak. Kajian ini secara khususnya akan memberi manfaat kepada pihak JAKIM dan JAIS, pihak penerbit buku, guru-guru yang menggunakan buku ini dan pelajar-pelajar yang menggunakannya. Ia juga bermanfaat untuk para pengkaji dalam bidang hadis dan bidang pembangunan buku teks pendidikan Islam secara tidak langsung. Berikut adalah beberapa kepentingan kajian ini:

1. Kajian ini penting kepada pihak JAKIM, JAIS dan institusi-institusi agama lain, kerana ia menunjukkan wujudnya keperluan untuk menubuhkan panel penilai hadis supaya setiap hadis yang digunakan dalam bahan terbitan dinilai status atau kualitinya sebelum ia diterbitkan.
2. Ia juga penting kepada pihak penerbit buku supaya mereka lebih berhati-hati dalam penerbitan-penerbitan mereka yang menggunakan teks-teks hadis. Terbitan-terbitan mereka perlu mengikut panduan yang telah digariskan oleh pihak KDN.
3. Kajian ini juga penting kepada pihak penulis buku terutamanya penulis buku teks. Mereka perlu memastikan hadis-hadis yang dipilih





perlulah diambil dari kategori hadis-hadis yang diterima. Mereka perlu berusaha untuk memastikan tiada hadis yang tertolak digunakan dalam tulisan-tulisan mereka melainkan untuk menjelaskan keadaan hadis tersebut. Mereka juga perlu mengikuti garis panduan yang telah disediakan oleh pihak KDN dalam karya-karya mereka tersebut.

4. Kajian ini juga penting kepada pihak tenaga pengajar supaya mereka lebih berhati-hati apabila menggunakan hadis dari buku teks kerana ia belum tentu tergolong dari hadis-hadis yang diterima.
5. Kajian ini juga penting untuk para pelajar yang pernah menggunakan buku teks tersebut bahawa terdapat beberapa hadis yang mereka pelajari berkemungkinan terdiri dari hadis-hadis tertolak.
6. Kajian ini juga boleh membantu pihak KDN dalam menguatkuasakan



diterbitkan tahun pada tahun 2018. Garis panduan yang dimaksudkan boleh diakses melalui pautan ini

https://epq.kdn.gov.my/panduan_hadith/mobile/index.html.

7. Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membuat polisi untuk penerbitan yang menggunakan hadis nabi SAW.
8. Maklumat-maklumat takhrij yang telah dijalankan terhadap hadis-hadis kajian juga bermanfaat kepada masyarakat yang ingin mendapatkan status hadis apabila ia dimasukkan dalam koleksi kajian hadis seperti semakhadis.com.





1.7 Batasan Kajian

Untuk memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan, kajian ini menumpukan kepada skop dan limitasi seperti berikut:

1. Skop kajian. Kajian ini memberi tumpuan hanya kepada teks hadis. Hadis yang dimaksudkan ialah semua perkara yang disandarkan kepada Nabi SAW. Teks yang disandarkan kepada Nabi SAW dalam bentuk penceritaan dikecualikan dari kajian ini.
2. Sampel hadis diambil dari buku teks KAFA JAKIM terbitan Penerbit Fargoes Sdn. Bhd. dan buku teks KSRA JAIS terbitan Bahagian Pendidikan Islam JAIS. Terbitan yang dimaksudkan ialah terbitan yang digunakan pada tahun 2015 hingga tahun 2017.
3. Sebanyak 29 hadis telah dikeluarkan dari Buku Teks KAFA JAKIM dan 41 hadis lagi dikeluarkan dari Buku Teks KSRA JAIS untuk dikaji dalam kajian ini.



1.8 Definisi Tajuk

Tajuk kajian ini ialah “Analisis Hadis dalam Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS”. Bagi menjelaskan maksud tajuk ini, istilah-istilah penting berikut akan diberikan definisinya.

1. Analisis: Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, analisis bermaksud “penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah,





persoalan, dll) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dll) secara terperinci atau mendalam”²⁸.

2. Hadis: Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, hadis bermaksud “sabda (perbuatan atau kelakuan) Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya (untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum Islam)”²⁹.
3. Buku Teks: Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan buku teks sebagai “buku yang digunakan oleh pelajar sebagai buku rujukan yang standard untuk sesuatu mata pelajaran tertentu”.³⁰
4. KAFA: KAFA ialah kependekan kepada Kelas Agama dan Fardu Ain. Ia merujuk kepada “suatu program berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain”³¹. Program ini merupakan salah satu program di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
5. JAKIM: JAKIM ialah kependekan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Ia merupakan “agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI)”³².

²⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2018). Carian Bestari. Dicapai pada 26 Disember 2018, dari <http://prpm.dbp.gov.my/CarianBestari?mode=ext&keyword=analisis>

²⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2018). Carian Bestari. Dicapai pada 26 Disember 2018, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hadis>

³⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2018). Carian Bestari. Dicapai pada 26 Disember 2018, dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=buku+teks>

³¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Garis Panduan KAFA. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Dicapai dari <http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis-panduan-kafa.pdf>

³² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - Fungsi Jakim. Dicapai pada 26 Disember 2018, dari <http://www.islam.gov.my/mengenai-jakim/fungsi-jakim>





6. KSRA: KSRA ialah kependekan kepada Kurikulum Sekolah Rendah Agama. Ia merupakan sebuah kurikulum yang diajarkan di sekolah-sekolah rendah Agama di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)³³.

7. JAIS: JAIS ialah kependekan untuk Jabatan Agama Islam Selangor.

Ia merupakan “agensi pelaksana segala dasar yang diputuskan oleh MAIS dan berperanan menegakkan syiar Islam serta menjaga hal ehwal umat Islam di Negeri Selangor seperti nikah cerai, dakwah, pendidikan Islam, pengurusan masjid dan sebagainya.”³⁴ Manakala Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula “merupakan pihak berkuasa utama agama Islam di Negeri Selangor dan bertanggungjawab menasihati DYMM Sultan Selangor untuk semua perkara berhubung agama Islam kecuali melibatkan keadilan dan hukum syarak. MAIS turut berperanan menjaga hal ehwal mualaf dan harta baitulmal dan penggubal dasar berkaitan agama Islam.”³⁵

Berdasarkan definisi-definisi tersebut, kajian ini berusaha untuk menyelidiki keadaan atau status hadis-hadis yang terdapat dalam kedua-dua buku teks tersebut.

³³ Jabatan Agama Islam Selangor. (2013). Apakah kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah JAIS? | Laman Web Rasmi JAIS. Dicapai pada 26 Disember 2018, dari <http://www.jais.gov.my/content/60-apakah-kurikulum-yang-diajar-di-sekolah-sekolah-jais>

³⁴ Majlis Agama Islam Selangor. (2018). Soalan Lazim. Dicapai pada 26 Disember 2018, dari <http://www.mais.gov.my/soalan-lazim>

³⁵ *Ibid.*





1.9 Kajian Literatur

Sekadar pemerhatian pengkaji, kajian semasa berkaitan *takhrīj al-hadīth* atau analisis status hadis yang dijalankan di peringkat antarabangsa tertumpu kepada kajian terhadap kitab-kitab klasik dan kajian tematik. Begitu juga kajian hadis yang dijalankan di peringkat tempatan selain kajian hadis terhadap teks khutbah dan majalah Islam.





1.9.1 Kajian Terhadap Karya Klasik

Antara kajian takhrij yang dijalankan terhadap kitab-kitab klasik adalah seperti berikut:

1. Tesis peringkat Ijazah Kedoktoran UM bertajuk: Hadith-Hadith Daif Dan Palsu Dalam *Nasa'ih Al-Ibad* Oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam di Sumatera, oleh Arwansyah Kirin, tahun 2016. Pengkaji telah meneruskan penyelidikan terhadap hadis dalam sebuah karya klasik yang telah dimulakan oleh dua orang pengkaji lain di UKM. Mereka berdua telah membuat penyelidikan terhadap 80 hadis yang terdapat dalam jilid pertama hingga jilid ke lima buku tersebut. Arwansyah menyelesaikan kajian terhadap bakinya sebanyak 236 hadis yang terdapat dalam jilid ke enam hingga jilid ke sepuluh. Selain itu, pengkaji turut membuat kajian lapangan untuk mengenalpasti kesan pengaruh hadis-hadis tersebut terhadap masyarakat di Sumatera, Indonesia. Kajian ini mendapati bahawa terdapat 68 hadis lemah, 20 hadis terlalu lemah, 66 hadis palsu dan 20 hadis yang tidak diketahui asalnya. Kajian juga turut mendapati bahawa hadis-hadis tersebut memberi kesan dan pengaruh yang tinggi terhadap amalan harian masyarakat.
2. Tesis peringkat Ijazah Sarjana UM bertajuk: Hadis-hadis Dalam *Kitab Al-Janaiz Sunan Abi Daud: Takhrij* dan Analisis oleh Abdullah bin Abu Bakar, tahun 2015. Kajian ini bertujuan mengetahui status hadis-hadis yang terkandung dalam *Kitab Al-Janaiz Sunan Abi Daud*. Kajian menumpukan kepada tiga aspek iaitu sanad, matan dan istinbat ulama terhadap hadis-hadis kajian. Selain itu, kajian ini turut memperkenalkan





Abi Daud, pemilik kitab tersebut, secara terperinci. Sebanyak 153 hadis telah ditakhrīj dan hasil kajian mendapati majoriti hadis terdiri dari hadis sahih (113 hadis). Terdapat 19 hadis dari hadis *hasan* dan 21 hadis dari hadis lemah yang berpunca dari faktor yang pelbagai.

3. Tesis peringkat Ijazah Sarjana UM bertajuk: *Al-Munabbihat 'Ala Al-Isti'dad Li Yawm Al-Ma'ad* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani: Takhrij Dan Analisis oleh Mohd Nor Adzhar Ibrahim, tahun 2014. Dalam kajian ini, pengkajinya cuba untuk merungkai persoalan tentang kesahihan penisbahan karya ini kepada Ibn Hajar al-'Asqalani dan dapatan kajian mendapati bahawa karya ini bukan karya Ibn Hajar. Namun pengkaji tidak berjaya mengenalpasti siapakah penulis asalnya. Selain itu, pengkaji turut membuat semakan terhadap kesemua hadis yang terdapat di dalamnya dan mendapati bahawa daripada 51 hadis lebih kurang 94% daripadanya terdiri dari hadis yang tertolak. Pengkaji juga turut mencadangkan agar pihak KDN memainkan peranan dalam memastikan isu sebaran hadis-hadis palsu dapat dikawal di peringkat negara.

1.9.2 Kajian Terhadap Karya Moden

Terdapat kajian *takhrīj al-hadīth* yang pernah dijalankan terhadap beberapa buah karya moden iaitu kajian yang dijalankan oleh Mohd Ikhwan bin Zolkapli tahun 2014. Kajian ini merupakan kajian di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Malaya bertajuk: Metodologi Penulisan Hadith Dan Takhrij Dalam Buku-Buku Motivasi Islam Di Malaysia.





Kajian ini telah dijalankan terhadap empat karya yang dihasilkan oleh empat orang motivator dengan latarbelakang yang berbeza. Pengkaji turut membahaskan tentang metodologi penulisan hadis dalam kesemua buku-buku kajian selain mentakhrījkan sebanyak 262 hadis-hadis yang terdapat di dalamnya.

Selain itu, penulis turut membuat perbandingan terhadap ke empat-empat buku tersebut. Kajian mendapati sebanyak 12% hadis daripadanya terdiri dari hadis lemah. Penulisnya mencadangkan agar disediakan garis panduan bagi penulisan teks hadis sebagai panduan untuk penulis-penulis buku.



1.9.3 Kajian Tematik

Selain dari kajian terhadap hadis-hadis dalam karya-karya tertentu, kajian turut dijalankan terhadap hadis-hadis berdasarkan tema-tema tertentu. Hadis-hadis dikumpulkan berdasarkan tema yang ditetapkan seperti hadis-hadis tentang urusan muamalat, pernikahan, simpanan, peralatan makan Rasulullah SAW dan sebagainya. Kebanyakan kajian seperti ini diterbitkan sebagai artikel jurnal selain kajian di peringkat sarjana dan kedoktoran. Antara kajian tematik terkini adalah seperti berikut:

1. Jurnal artikel bertajuk Takhrij Al-Hadits Tentang Peralatan Makan Nabi SAW oleh Hairul Hudaya yang diterbitkan dalam Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman (Al-Banjari) dari Universitas Islam Negeri





(UIN) Antasari pada tahun 2017³⁶. Sebanyak 13 hadis tentang peralatan Nabi SAW telah dikaji sanadnya untuk dikenalpasti *shawāḥid* (pendukung pada tingkat sahabat) dan *mutāba ‘āt* (pendukung bukan dari sahabat) kepada sebuah hadis riwayat Al-Tirmizī. Pengkaji turut memaparkan *syajarah sanad* dalam kajian ini dan hasil kajian mendapat bahawa hadis tersebut sahih dari segi matan dan sanadnya.

2. Jurnal artikel yang diterbitkan pada tahun 2017 berjudul *Aḥādīth al-Iddikhār: Riwāyat wa Dirāyat* oleh Mūsa al-Hārith.³⁷ Kajian ini merupakan kajian terhadap hadis-hadis berkaitan simpanan harta. Pengkaji ini telah membuat pembacaan menyeluruh tentang perbahasan hukum membuat simpanan untuk menghimpunkan hadis-hadis yang digunakan oleh para ulama dalam membincangkan isu tersebut. Kajian mendapati terdapat 16 hadis yang digunakan sebagai penguat argumen keharusan menyimpan harta dan 14 hadis yang digunakan oleh pihak yang mengatakan sebaliknya. Kesemua hadis-hadis tersebut terdiri dari status yang pelbagai termasuk *da‘īf* dan batil. Pengkaji turut membincangkan cara kedua-dua pihak membahaskan hadis-hadis tersebut dan menghuraikan beberapa hadis yang nampak bertentangan. Pengkaji akhirnya mencadangkan supaya kedua-dua pihak mengambil kira beberapa isu ekonomi terkini ketika membincangkan tentang isu ini.
4. Tesis peringkat Ijazah Kedoktoran UM bertajuk: Hadith-hadith Muamalat Maliyyah dalam Kitab-kitab Jawi Terpilih: Takhrij dan

³⁶ Hairul Hudaya. (2017). Takhrij Al-Hadits Tentang Peralatan Makan Nabi SAW. *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Keislaman*, 15(2), 127–146.

³⁷ Mūsa al-Hārith Humām Mulhim. (2017). *Aḥādīth al-Iddikhār: Riwāyat wa Dirāyat*. *IUG Journal of Islamic Studies*, 25(1), 160–178.





Analisis oleh Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, tahun 2010. Penulis telah membuat kajian dengan mengumpulkan dan mentakhrīj hadis-hadis bertemakan *muamalat māliyah* dari dua buah manuskrip dan sebuah kitab jawi yang diterbitkan pada kurun ke-18 hingga akhir kurun ke-19 Masihi. Kajian mendapati bahawa topik perbincangan yang dimuatkan adalah sama dengan topik perbincangan *muamalat māliyah* masa kini namun kebanyakan hadisnya tidak dinyatakan sumber asalnya. Kajian juga telah mengesan sebanyak 162 hadis telah digunakan dalam karya-karya tersebut. Pengkaji mencadangkan agar ditumpukan kepada memperkemaskan bahasa, susun atur bab dan penilaian kepada isi kandungan.



1.9.4 Kajian Terhadap Buku Teks

Kajian *takhrīj al-hadīth* terhadap buku teks sekolah pernah dijalankan di negara tercinta ini, namun ia masih sedikit dan belum memberikan kesan terhadap buku teks – buku teks lain. Maka pengkaji merasakan wujudnya kepentingan dan keperluan untuk melaksanakan kajian terhadap hadis-hadis dalam Buku Teks KAFA dan Buku Teks KSRA. Antara kajian yang pernah dijalankan berkaitan perkara ini ialah:

1. Pada tahun 2014, kajian terhadap hadis dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBM telah dijalankan oleh Norhasnira Ibrahim dan Kauthar Abd Kadir. Mereka telah menjalankan analisis terhadap 42 teks hadis di dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBM. Kajian mendapati hadis-hadis dengan pelbagai status telah dimuatkan





dalam buku teks ini termasuklah hadis yang berstatus *da’īf* dan juga palsu.

Kajian yang bertajuk “Analisis Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM” ini juga seterusnya mencadangkan agar pihak berwajib membuat semakan semula terhadap hadis-hadis dalam buku teks di semua peringkat sekolah.³⁸

2. Pada tahun 2011, Adel M. Abdul Aziz dan Ahmad Sanusi Azmi telah membuat penelitian terhadap fakta sirah dalam Buku Teks Sirah Kelas Agama Petang, Negeri Sembilan. Kajian berjudul Keperluan Takhrij Terhadap Buku Teks Sirah di Negeri Sembilan tersebut menyenaraikan sebanyak 11 fakta sirah yang diragui kesahihannya. Pengkaji menyarankan akan dibuat pemurnian terhadap kandungan buku ini antaranya dengan membuat takrij terhadap hadis-hadis yang terdapat di



Walaupun kedua-dua kajian ini melakukan *takhrīj* terhadap hadis-hadis dalam buku teks tetapi ia tidak memfokuskan kepada Buku Teks KAFA JAKIM dan Buku Teks KSRA JAIS. Kedua-dua kajian ini juga tidak mencadangkan alternatif kepada hadis-hadis yang bermasalah sedangkan mungkin ada ayat al-Quran atau hadis-hadis sahih yang boleh ditukar dengan hadis-hadis yang bermasalah. Cadangan alternatif ini berguna untuk bahan seperti buku teks kerana ia boleh dikemaskini untuk cetakan baru.

³⁸ Norhasnira binti Ibrahim, & Kauthar binti Abd Kadir. (2014). Analisis Status Hadis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Dua KBSM. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014* (hal. 1–17). Batu Pahat, Johor. Dicapai dari <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9419/1/Analisis%20Status%20Hadis%20Dalam%20Buku%20Teks%20Pendidikan%20Islam%20Tingkatan%20Dua%20KBSM.pdf>





Maka, selain dari *takhrīj*, untuk kajian ini, pengkaji akan berusaha mendapatkan hadis sahih atau ayat al-Quran sebagai ganti kepada hadis-hadis bermasalah. Mudah-mudahan ia membantu pihak penerbit untuk membuat kemaskini untuk cetakan baru.

1.10 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk memastikan tercapainya objektif yang telah ditetapkan. Kaedah-kaedah tersebut terdiri dari metode pengumpulan data dan metode analisis data.



Metode ini merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data berkaitan dengan kajian. Pengkaji berusaha mengumpulkannya dengan menggunakan kaedah-kaedah berikut:

1. Metode Kajian Perpustakaan. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Antara perpusatakan yang dilawati oleh pengkaji untuk tujuan tersebut ialah Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji menggunakan metode ini untuk Bab Satu dan Bab Dua dalam kajian pengkaji ini.





2. Metode Analisis Dokumen. Pengkaji menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat dari bahan-bahan rujukan berbentuk dokumen sama ada bahan bercetak atau tidak bercetak seperti buku, kitab, artikel jurnal, kertas kerja dan catatan-catatan perbincangan forum di internet. Menurut Kamarul Azmi, metode ini dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji³⁹. Metode ini merupakan metode yang penting dalam kajian ini kerana rujukan utamanya adalah bahan bercetak iaitu buku teks yang dipilih untuk dikaji. Melalui metode ini, pengkaji mengumpulkan hadis-hadis untuk *ditakhrīj* serta maklumat berkaitan metodologi penulisan hadis dari buku teks.



Segala maklumat dan data yang terkumpul melalui kaedah pengumpulan data di atas kemudiannya dianalisis menggunakan beberapa kaedah berikut:

1. Metode Induktif. Pendekatan induktif secara mudahnya bermaksud “bergerak dari perkara spesifik kepada perkara umum”⁴⁰. Pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk mendapatkan satu kesimpulan umum tentang metodologi penulisan hadis dan untuk mendapatkan

³⁹ Kamarul Azmi Jasmi. (2012, 29 Mac). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. Pembentangan di Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka.

⁴⁰ “Moving from the specific to the general”. Lihat L. Karen Soiferman. (2010). Compare and Contrast Inductive and Deductive Research Approaches (Evaluative No. ED542066). ERIC. Dicapai dari <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED542066.pdf>





kesimpulan tentang status hadis setelah dihimpunkan maklumat-maklumat berkaitan.

2. Metode Komparatif. Untuk Bab Lima, pengkaji akan menggunakan metode ini untuk menganalisa data-data yang terkumpul. Dengan metode ini, pengkaji boleh membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data-data yang diperolehi untuk mengetahui perbezaan dan persamaan di antara Buku Teks KAFA dan Buku Teks KSRA.
3. Metode Kuantitatif. Pengkaji akan menggunakan metode kuantitatif untuk menganalisis hadis-hadis yang telah dikumpulkan. Pengkaji akan menyatakan bilangan hadis berdasarkan beberapa kategori seperti bilangan hadis yang dinyatakan tanpa disebutkan sumber, bilangan hadis berdasarkan status dan sebagainya.
4. Metode *Takhrij Al-Hadith*. Metode *takhrij al-hadith* digunakan untuk mendapatkan sanad kepada hadis-hadis kajian supaya dapat dikenalpasti kecacatan yang ada padanya. Kitab-kitab hadis bersanad ditulis dengan pelbagai cara kebanyakannya memudahkan carian hadis melalui kaedah-kaedah tertentu. Berikut diterangkan secara ringkas beberapa kaedah yang digunakan oleh ulama ketika mentakhrij hadis seperti yang dikemukakan oleh Prof Dr. Muhammad Abu Layth dalam bukunya *Takhrij Al-Hadith Nash'atuhu wa*





*Manhajiyatuhu*⁴¹ dan Dr. Faisal Ahmad Shah dalam bukunya *Takhrij Hadith: Teknik Tepat Pencarian & Penentuan Hukum*⁴²:

- a. *Takhrij* melalui nama perawi hadis. Terdapat karya-karya hadis yang hadisnya disusun berdasarkan nama perawi hadis. Contohnya dalam kitab *Musnad Ahmad*, hadis-hadis dengan sanad dikumpulkan berdasarkan sahabat perawi. Sekiranya hadis yang sedang ditakhrij dinyatakan nama sahabat perawi seperti Abu Hurayrah, maka carian perlu dibuat di bawah topik Abu Hurayrah. Kitab-kitab lain yang boleh digunakan melalui kaedah ini antaranya ialah *Musnad al-Bazzar*, *al-Marasil* oleh Ibn Abi Hatim al-Razi, *Tarikh Bagdad* oleh Khatib al-Baghdadi, *Tabaqat Ibn Sa'd*, *al-Majruhin* oleh Ibn



- b. *Takhrij* dengan cara mengenalpasti potongan awal lafaz daripada matan hadis. Terdapat banyak juga karya hadis di mana hadis di dalamnya disusun berdasarkan potongan awal hadis mengikut turutan huruf mu'jam. Sekiranya hadis yang sedang *ditakhrij* tidak dinyatakan sahabat perawi, maka pilihan kedua ialah membuat carian berdasarkan potongan awal hadis. Contoh karya-karya yang boleh digunakan melalui kaedah ini ialah seperti *Al-Jami' al-Kabir* dan *Jami' al-Saghir* karya al-Suyuti, *Al-Maqasid al-Hasanah* oleh al-Sakhawi,

⁴¹ Muḥammad Abu Al-Layth Al-Khayrabādī. (2014). *Takhrij Al-Hadīth Nash'atuhu Wa Manhajiyatuhu* (7th ed.). Maṣṭurah: Dār al-Kalimah, hal. 187-202.

⁴² Faisal Ahmad Shah. (2016). *Takhrij Hadith: Teknik Tepat Pencarian & Penentuan Hukum*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith APIUM, hal.25-113.





Kasyf al-Khafa' oleh al-'Ajluni, *Mawsu'ah Atraf al-Hadith*

oleh Muhammad al-Sa'id Basyuni Zaghlul dan sebagainya.

- c. *Takhrīj* melalui satu perkataan yang dipilih daripada matan hadis. Carian hadis bersanad boleh juga dibuat dengan cara memilih satu perkataan unik dari teks hadis kemudian carian dibuat dengan menggunakan kitab yang disusun berdasarkan perkataan seperti *Kitab-kitab Al-Gharib* dan *Al-Ma'ajim* dan *Al-Faharis*. Antara kitab-kitab yang menggunakan kaedah ini ialah *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi* yang disusun oleh beberapa orang orientalis dengan bantuan al-Syeikh Mustafa bin 'Ali al-Bayumi dan al-Ustaz Muhammad Fuad Abd al-Baqi, *Gharib al-Hadith wa al-Athar*

oleh Abu 'Ubayd al-Qasim bin Sallam, *Gharib al-Hadith* oleh ptbupsi
al-Khattabi, *Al-Murshid ila Ahadith Sunan al-Tirmizi* oleh al-Ustaz Sidqi al-Bayk dan lain-lain.

- d. *Takhrīj* melalui tema perbahasan hadis. Sekiranya hadis yang sedang ditakhrij diriwayatkan secara makna, maka kaedah yang paling sesuai digunakan ialah kaedah ini. Melalui kaedah ini pentakhrij perlu memikirkan tema atau topik yang sesuai dengan hadis supaya carian boleh dibuat dalam kitab-kitab yang menyusun hadis berdasarkan tema atau topik hadis. Antara kitab yang disusun dalam bentuk ini ialah kitab *Miftah Kunuz al-Sunnah* oleh Profesor Arent Jan Wensick yang diterjemahkan ke Bahasa Arab dari Bahasa Inggeris oleh Ustaz Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Kitab ini disusun





berdasarkan huruf mu'jam mengikut topik-topik seperti doa, zakat, taharah dan sebagainya. Selain itu, antara kitab-kitab yang menggunakan kaedah ini ialah, *Sahih al-Bukhari*, *al-Mustakhraj 'ala al-Bukhari* oleh al-Isma'ili, *Kanzu al-'Ummal* oleh al-Muttaqi al-Hindi, *Sunan Abu Daud*, *Sunan al-Tirmizi*, *al-Musannaf Ibn Abi Syaibah* dan banyak lagi.

- e. *Takhrīj* dengan cara membuat penelitian terhadap perihal hadis dari sudut matan dan sanad. Terdapat kitab-kitab hadis yang ditulis berdasarkan perihal atau sifat tertentu yang terdapat pada matan atau sanad hadis seperti sanad *qudsi*, *musalsal*, *mutawatir*, palsu dan sebagainya. Sekiranya hadis yang sedang ditakhrij boleh dikenalpasti sifat atau perihalnya maka carian boleh dibuat dalam kitab-kitab sebegini.

Contohnya untuk hadis *mutawatir*, carian boleh dibuat dalam kitab *Al-Azhar al-Mutanathirah* oleh Imam al-Suyuti dan *al-Lali' al-Mutanathirah* oleh Abu Abd Allah bin Tulun al-Hanafi. Selain itu, kitab *al-Musalsal al-Kubra* oleh al-Suyuti dan *al-Manahil al-Salsalati fi al-Ahadih al-Musalsalah* oleh Muhammad 'Abd al-Baqi al-Ayyubi untuk hadis *Musalsal*. Hadis-hadis *al-Amthal* pula terkumpul dalam kitab *al-Amthal* oleh Abu 'Ubayd al-Qasim bin Sallam dan banyak lagi.

- f. *Takhrīj* melalui pembacaan secara teliti dan pemerhatian bersungguh-sungguh. Kaedah ini memerlukan untuk dibuat bacaan secara menyeluruh dari awal kitab hingga akhir kitab. Carian dengan cara selakan halaman demi halaman





sehingga ditemui hadis yang dicari. Terdapat banyak juga kitab hadis yang ditulis menggunakan kaedah selain dari lima kaedah yang disebutkan sebelum ini. Untuk membuat carian hadis dalam kitab-kitab tersebut bolehlah digunakan kaedah ini. Antara kitab yang boleh digunakan untuk kaedah ini ialah seperti kitab *al-Afrad* oleh Ibn Shahin, *Tarikh Yahya bin Ma'in*, *al-Tabaqat al-Kubra* oleh Ibn Sa'd, *Musnad al-Syihab* oleh al-Quda'i dan lain-lain lagi.

Kitab-kitab yang disebutkan di atas dan selainnya, kini telah turut ditukarkan formatnya dalam bentuk perisian yang memudahkan lagi proses carian. Kelebihannya maklumat yang diperlukan boleh

didapati dengan lebih cepat dan pantas. Kekurangannya, perisian-

perisian ini masih dalam proses penambahbaikan di mana masih terdapat kesilapan-kesilapan contohnya kesilapan taipan dari segi ejaan dan baris. Dengan itu seperti cadangan Dr. Faisal Ahmad Shah, hasil carian perlu disemak berdasarkan karya bercetak bagi mengelakkan kesilapan teknikal⁴³. Antara perisian-perisian yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti *Al-Maktabah Al-Shamilah*, laman web hdith.com, *Al-Mawsu'ah al-Hadithiyah* di laman *al-Durar al-Sanniyyah*, *Mawsu'ah al-Hadith* di laman Islamweb.com dan lain-lain lagi.

⁴³ *Ibid.* hal. 147.





Kaedah-kaedah yang disebutkan di atas menjadi panduan dalam kajian ini dan berikut diterangkan langkah-langkah *takhrīj* yang digunakan dalam kajian ini secara ringkas.

- a. Carian sanad. Pengkaji berusaha mendapatkan kesemua sanad-sanad kepada hadis-hadis kajian menggunakan aplikasi komputer sambil membuat semakan dengan naskhah bercetak.
- b. Melalui sanad-sanad yang ditemui, pengkaji akan membentangkan kesemua jalur-jalur periwayatan.
- c. Kemudian, pengkaji akan berusaha mengenalpasti kecacatan yang ada pada jalur periwayatan tersebut.
- d. Setelah dikenalpasti kecacatan yang ada, pengkaji akan membuat penilaian tentang status hadis dengan menyatakan kecacatan-kecacatan yang ditemui.



5. Langkah-langkah Penilaian Terhadap Hadis. Penilaian terhadap hadis bermaksud memutuskan status hadis sama ada sahih, *hasan*⁴⁴, lemah atau palsu⁴⁵. Menurut Muḥammad Abu Layth, hadis yang akan dinilai statusnya terdiri dari dua kategori berikut⁴⁶:

1. Hadis yang telah dinilai statusnya oleh ulama. Jika pengkaji menemui hadis dari kategori pertama, contohnya hadis yang

⁴⁴ Hadis yang statusnya antara sahih dan lemah.

⁴⁵ Abu Al-Layth Al-Khayrabādī. (2014). *Takhrīj Al-Hadīth Nash'atahu Wa Manhajiyatahu*, hal. 287.

⁴⁶ *Ibid.*





terdapat dalam Kitab *Sahīh Al-Bukhārī* atau Kitab *Sahīh Muslim*, maka pengkaji berpada dengan penilaian mereka.

2. Hadis yang belum dinilai statusnya oleh ulama. Untuk kategori ini, pengkaji akan berusaha membuat penilaian sendiri berdasarkan panduan yang telah digariskan oleh ulama hadis.

Langkah-langkah penilaian terhadap hadis ini akan digunakan untuk hadis-hadis dari kategori kedua, iaitu hadis-hadis yang belum dinilai statusnya oleh ulama hadis. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mengesahkan bahawa sanad dan matan hadis menepati syarat hadis yang diterima di mana kesemua perawinya bersifat ‘Ādil⁴⁷ dan *Dābiṭ*⁴⁸, rantai perawinya bersambung, serta tiadanya *shāz*³¹egar tiada ‘illah⁴⁹⁵⁰.

Setelah mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, pengkaji akan membuat penilaian terhadap hadis kajian. Berikut

⁴⁷ Seorang Muslim yang baligh, berakal dan selamat dari sebab-sebab kefasikan serta terjatuhnya maruah. Lihat Muhammad Abu Al-Layth Al-Khayrabādī. (2009). *Mu'jam Muṣṭalaḥāt Al-Hadīth Wa 'Ulūmihī Wa Ashhar Al-Muṣannīfīn fīh*. Amman: Dār Al-Nafā'is, hal. 97.

⁴⁸ Sifat di mana seseorang itu sentiasa dalam keadaan siap sedia mengingat apabila dia menuturkan dari hafalannya dengan kebolehan mengingatnya pada bila-bila masa sejak dari mendengarnya hingga ketika meriwayatkannya kepada pelajarnya atau memelihara bukunya dari berlakunya perubahan sejak dari mendengarnya dan ketika dibuat pembetulan hingga disampaikan dan diriwayatkan darinya dan dia tidak meminjamkan bukunya kecuali kepada sesiapa yang dipercayai. Lihat Muhammad Abu Al-Layth Al-Khayrabādī. (2009). *Mu'jam Muṣṭalaḥāt Al-Hadīth Wa 'Ulūmihī Wa Ashhar Al-Muṣannīfīn fīh*. Amman: Dār Al-Nafā'is, hal. 88.

⁴⁹ Iaitu sebab tersembunyi yang mencemarkan kesahihan hadis dalam keadaan zahirnya selamat darinya. Lihat Muhammad Abu Al-Layth Al-Khayrabādī. (2009). *Mu'jam Muṣṭalaḥāt Al-Hadīth Wa 'Ulūmihī Wa Ashhar Al-Muṣannīfīn fīh*. Amman: Dār Al-Nafā'is, hal. 100.

⁵⁰ *Opcit.*





adalah langkah-langkah yang akan diambil untuk menilai sesuatu hadis:

- a. Mengenalpasti perawi. Pengkaji akan mendapatkan maklumat tentang siapakah perawi yang dimaksudkan di dalam sanad.
- b. Jika terdapat perawi bermasalah, pengkaji akan menghimpunkan penilaian para ulama *rijāl* terhadap perawi tersebut. Namun, sekiranya perawinya *thiqah*, pengkaji tidak akan menyebutkan komentar ulama terhadapnya kecuali apabila perlu.
- c. Memastikan kesinambungan dalam jalur periwayatan setiap hadis. Pengkaji akan memeriksa jika ada *sanad* yang terputus melalui tarikh kelahiran perawi dan tarikh wafat guru beliau.
- d. Pengkaji akan memeriksa kecacatan pada *sanad* dengan merujuk kepada kitab-kitab *'ilāl*.
- e. Pengkaji akan melihat kepada matan hadis. Jika wujud *'illah* pada matannya, pengkaji akan menyatakan dalam penilaian hadis berdasarkan pendapat ulama hadis.

6. Cara mencatat hasil *takhrīj*. Cara mencatat maklumat-maklumat yang terkumpul terdiri dari tiga cara⁵¹:

⁵¹ Muhammad Abu Al-Layth Al-Khayrabādī. (2014). *Takhrīj Al-Ḥadīth Nash'atihu Wa Manhajiyatihu* (7th ed.). Maṣṣūrah: Dār al-Kalimah, hal. 68-70.





- a. Perbincangan secara ringkas iaitu dengan menyebutkan rujukan hadis secara ringkas termasuk nama kitab, nombor jilid dan nombor hadis.
- b. Perbincangan secara sederhana iaitu dengan menyebutkan rujukan hadis secara ringkas dan titik pertemuan jalur-jalur periwayatan.
- c. Perbincangan secara terperinci iaitu dengan menyebutkan rujukan hadis, titik pertemuan jalur-jalur periwayatan, status hadis dan *shawahidnya*.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan cara mencatat yang ringkas untuk hadis-hadis yang didapati terdapat dalam Kitab Sahih al-Bukhari dan Muslim. Perbincangan secara terperinci dilakukan bagi hadis-hadis yang bermasalah mengikut keperluan.

